

HASiL/2026/11/03 – 53

INOVASI DAN INTEGRITI PACU TRANSFORMASI PENTADBIRAN CUKAI NEGARA

CYBERJAYA, 3 NOVEMBER 2026 – Inovasi dan integriti terus menjadi teras transformasi pentadbiran cukai negara, seiring dengan komitmen Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) untuk memperkukuh penggunaan teknologi digital, termasuk kecerdasan buatan (AI), bagi meningkatkan kecekapan operasi, pematuhan percukaian serta mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Komitmen ini diterjemahkan menerusi Sambutan Hari Inovasi dan Integriti (HII) HASiL 2026 yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di Menara HASiL Cyberjaya hari ini. Penganjuran tersebut turut menjadi platform bagi pencapaian transformasi digital, pembudayaan inovasi serta pengukuhan integriti dalam pentadbiran percukaian negara.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II; YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara; YB YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, pegawai-pegawai kanan HASiL serta tetamu jemputan.

Pelaksanaan e-Invois terus menunjukkan perkembangan positif dengan sebanyak **2.14 bilion e-Invois** dikemukakan oleh lebih **269,900 pembayar cukai** setakat 2 November 2026.

Penggunaan data e-Invois turut menyumbang kepada peningkatan pematuhan secara sukarela apabila lebih **97,000 pembayar cukai** tampil mengemukakan borang nyata bagi tahun-tahun terdahulu, melibatkan cukai kena dibayar berjumlah **RM1.68 bilion.**

Seiring dengan usaha memperkukuh pematuhan dan kecekapan pentadbiran percukaian, kutipan cukai langsung kasar bagi sepuluh bulan pertama 2026 meningkat **5.8 peratus** kepada **RM174.48 bilion**, berbanding **RM164.92 bilion** bagi tempoh sama tahun lalu.

Komitmen terhadap budaya inovasi turut dizahirkan menerusi **Anugerah Inovasi CEO HASiL 2026** yang memberi fokus kepada penghasilan Video Kreatif AI dan menerima sebanyak 46 penyertaan.

Turut dilancarkan ialah Dokumen Integriti HASiL sebagai komitmen berterusan untuk memperkukuh tatakelola dan tadbir urus organisasi, selaras dengan **Strategi Antirasuah LHDNM (SeAL) 2026–2028.**

Sebagai usaha memperkukuh tadbir urus percukaian korporat, HASiL turut menyampaikan pengiktirafan ***Tax Corporate Governance*** **(TCG) kepada 13 pembayar cukai** yang telah memenuhi keperluan dan kriteria program tersebut. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen pembayar cukai berkenaan dalam

memperkukuh kawalan dalaman, mengurus risiko percukaian secara sistematik serta membudayakan pematuhan cukai secara sukarela.

Selain itu, Sambutan HII HASiL 2026 turut mencatat penyertaan tertinggi dalam sejarah penganjuran Kaunter Perkhidmatan Agensi Luar dengan penglibatan 48 agensi kerajaan dan swasta pada 2 hingga 3 November 2026. Kemudahan ini membolehkan warga HASiL mendapatkan maklumat, khidmat nasihat dan perkhidmatan secara langsung daripada pelbagai agensi di satu lokasi.

Sebarang pertanyaan, permohonan bantuan atau maklum balas boleh dikemukakan kepada HASiL melalui saluran komunikasi rasmi yang berikut:

a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / +603-8911 1000 (Panggilan Dari Luar Negara);
b) HASiL Live Chat bagi mendapatkan bantuan dan maklumat secara dalam talian;
c) HAFY Tax Assist, pembantu maya HASiL yang menyediakan panduan dan maklumat berkaitan percukaian dengan pantas dan mudah;
d) e-Janji Temu Sidang Video bagi mendapatkan khidmat konsultasi secara dalam talian bersama pegawai HASiL berdasarkan slot janji temu yang ditetapkan; atau
e) Borang Maklum Balas Pelanggan yang boleh diakses melalui portal rasmi HASiL di pautan https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 3 November 2026

LAMPIRAN

JADUAL 1: SENARAI PENERIMA
SIJIL TAX CORPORATE GOVERNANCE (TCG) 2026

BIL.	PEMBAYAR CUKAI
1.	IOI Corporation Berhad
2.	IOI Acidchem Sdn. Bhd.
3.	Pamol Plantations Sdn. Bhd.
4.	Malayan Banking Berhad
5.	Aeon Credit Service (M) Berhad
6.	Tenaga Nasional Berhad
7.	Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.
8.	Shell Timur Sdn. Bhd.
9.	Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
10.	First World Hotels & Resorts Sdn. Bhd.
11.	Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd.
12.	British American Tobacco (Malaysia) Bhd.
13.	Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd.

LAMPIRAN



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim serta Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan hadir dalam Sambutan Hari Inovasi dan Integiti HASiL 2026



Lima aplikasi berteraskan kecerdasan buatan dibangunkan oleh HASiL bagi meningkatkan kecekapan operasi dan menambah baik perkhidmatan



Beberapa pertandingan telah dijalankan sempena Sambutan Hari Inovasi dan Integriti HASiL 2026



Perdana Menteri bergambar kenang-kenangan bersama tetamu jemputan.